



KENYATAAN TAWARAN

MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR
WISMA MPKK, JALAN TAIPING, 33000 KUALA KANGSAR, PERAK

SEBUTHARGA PERKHIDMATAN SEWAAN EMPAT PULUH (40) UNIT KOMPUTER PEJABAT YANG BARU UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada Penyebutharga-Penyebutharga yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN** di bawah kod bidang bekalan/perkhidmatan yang berkaitan **SUB-KEPALA 210101 Atau 221502 Atau 020302** yang masih sah dan berkuatkuasa.
2. Sebutharga ini adalah seperti Jadual di bawah:

BIL.	TARIKH JUALAN DOKUMEN/ MASA	TEMPOH KONTRAK
1.	29.1.2020 - 6.2.2020 MASA JUALAN DOKUMEN : 8.30 pagi hingga 4.00 petang (Isnin hingga Jumaat) MASA REHAT : 1.00 tengah hari-2.00 petang kecuali Jumaat (12.15 tengah hari -2.45 petang))	(2 TAHUN) 1 MAC 2020 HINGGA 28 FEBRUARI 2022

3. Dokumen Sebutharga dijual mulai 29.1.2020 (Rabu) hingga 6.2.2020 (Khamis) di Lobi Kaunter 1, Wisma MPKK, 33000 Kuala Kangsar, Perak semasa waktu bekerja sahaja.
4. Semasa permohonan, Penyebutharga-Penyebutharga hendaklah mengemukakan **Sijil Kementerian Kewangan Bagi Kod Bidang Bekalan 210101 Atau 221502 Atau 020302, SSM & Penyata Akaun Bank** dan satu (1) salinan setiap sijil tersebut.
5. Tawaran sebutharga **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya: Penyebutharga **LEWAT** mengemukakan tawaran sebutharga sama ada secara manual atau diposkan atau kedua-duanya; Penyebutharga **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Sebutharga.
6. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar **tidak terikat** untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.
7. Borang Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertanda "**TAWARAN PERKHIDMATAN SEWAAN EMPAT PULUH (40) UNIT KOMPUTER PEJABAT YANG BARU UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR**" dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari 7.2.2020 (Jumaat)** ke dalam Peti Tawaran Sebutharga yang disediakan di Lobi Kaunter 1, MPKK.

Sekian, terima kasih.


(ZULQARNAIN BIN MOHAMAD, AMP., PPT.)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar